

04/08/2001

Black Metal perlu dibanteras dari akar umbi

Nik Yahya Abdul Rahman

HENDAK atau tidak, setuju atau tidak, remaja kita seharusnya menerima dengan hati terbuka sekiranya genre black metal diharamkan pada masa terdekat oleh kerajaan kerana ia sudah disalah tafsirkan oleh segelintir penggemarnya di negara ini.

Penyakit sosial yang sedang menjalar di kalangan pelajar yang dikesan di Kedah, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur semakin parah.

Kalau tidak ditangani dengan serius dan mapan sudah tentu 'penyakit ciptaan sendiri' ini akan menular hebat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNDPM) dan polis untuk mengambil langkah wajar memantau masalah ini segera.

Sebelum ini, kita berasa lega apabila Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai menjelaskan masalah berkenaan bukan pada peringkat terlalu serius sehinggakan kerajaan mengisytiharkan penyakit sosial ini sebagai pengancam keselamatan negara.

Kita berterima kasih kepada pasukan polis yang sudah lama menyedari kewujudan kumpulan ini sebelum ia dihebahkan di akhbar. Siasatan terperinci dilakukan di Kedah sejak Mei lalu.

Apapun, saban hari (sejak 1994 lagi) kumpulan punk yang mirip kepada Black Metal menular dan mereka selalu menonjolkan diri di sekitar Bukit Bintang Plaza (biasanya pada waktu malam).

Fesyen rambut, seluar dan kemeja-T yang mereka pakai mempunyai pelbagai gambar (kambing hitam, salib terbalik dan syaitan) menunjukkan mereka daripada kumpulan itu.

Gaya bercakap dan berjalan secara berkumpulan (di antara lima hingga tujuh orang) dengan sedikit tatu di badan (biasanya di lengan atau bahu) menjadikan orang lain memandangi mereka agak pelik. Saya yakin itulah yang sebenarnya mereka mahu!

Kumpulan dan pengikut sama pernah kelihatan di sekitar Bangsar Park dan Bangsar Baru.

Mereka akan keluar pada waktu malam menjamu selera di deretan kedai makan di situ dengan gaya tersendiri.

Keadaan berkenaan bertambah menonjol ketika ada acara hiburan di situ atau pasar malam.

Kumpulan sama juga berkumpul di Pasar Seni.

Mereka bersidai tanpa tujuan dan kerenah mereka kadangkala menyakitkan mata memandangi.

Begitu juga kumpulan sama selalu berpeleleran setiap hari di Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Kadangkala ada yang bergaduh sesama mereka.

Kumpulan berkenaan juga sering berkunjung ke restoran di sekitar Jalan Sultan Ismail atau Bukit Bintang menikmati minuman di situ. Mereka dengan bangga menunjukkan gaya hidup yang kononnya 'moden' itu.

Sebenarnya moden yang dipamerkan sama seperti zaman batu.

Bezanya pakaian zaman itu diperbuat daripada kulit kayu, sekarang daripada kain atau fabrik.

Kumpulan berkenaan terdiri daripada remaja bersekolah. Yang sudah bekerja atau pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kalau adapun bilangannya boleh dikira dengan jari.

Apapun, percayalah bahawa kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad bahawa orang Melayu perlu berubah.

Katanya, orang Melayu diharap menukar budaya supaya mereka berjaya seperti orang lain.

Melihat senario yang berlaku akhir-akhir ini sebenarnya `ada orang luar' tidak senang duduk.

Mereka melihat kejayaan Malaysia sebagai suatu ancaman kepada kehebatan dan kemajuan mereka.

Justeru, cara terbaik yang mereka lakukan ialah dengan menanam, menerap segala bentuk budaya yang boleh merosakkan minda anak muda kita kerana mereka yang akan menjadi pemimpin negara ini kelak.

Justeru, ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat dan pihak berwajib seperti Jabatan Agama Islam, KDN, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia (MBM), Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung Malaysia (GPMS), Gabungan Pertubuhan Belia-Belia Malaysia (MAYC), Gerakan Belia 4B dan badan bukan kerajaan lain mempertingkatkan usaha masing-masing untuk memerangi masalah sosial ini.

Kita perlu melihat permasalahan ini pada peringkat akar umbi mencari punca dan tidak terlambat untuk kita sama-sama menggali sedalam-dalamnya membuang semua akar yang dijangkiti kulat atau vaksin.

Kalau boleh, biarlah pokok yang disemai hari ini membuah hasil banyak, bernas dan selamat untuk dimakan esok.

Sesungguhnya, kenapakah bangsa kita terlalu mudah dipengaruhi, sedangkan bangsa lain begitu rancak menerokai ekonomi negara dengan terancang.

Mereka sudah lama sedar dalam segala bidang baik pendidikan, kesihatan, ekonomi, kewangan, sosial dan keagamaan.

Namun kita orang Melayu hanya mempunyai satu kelebihan iaitu budaya suka meniru.

Kalau meniru untuk kebaikan, Alhamdulillah tetapi kalau untuk menjahanamkan bangsa dengan budaya songsang, demonstrasi jalanan dan tidak menghormati orang lain, alamatnya tercapailah hasrat bangsa asing untuk menjajah kita secara terhormat.

Kita sedar pembangunan ekonomi terpaksa bergantung kepada mereka (orang asing) kerana kuasa beli mereka kukuh.

Namun, kita masih mempunyai maruah diri untuk dipertahankan supaya bangsa terus merdeka, bebas dan dihormati.

Kita tidak mahu merempat di negara sendiri. Inilah jihad yang sebenarnya sedang menanti kita!